



## PROGRAM KECEMERLANGAN BAHASA MALAYSIA STPM SEKOLAH BITARA 2011

Pada 21 April 2011, Perpustakaan Tuanku Bainun telah menganjurkan Program Kecemerlangan Bahasa Malaysia STPM Sekolah Bitara 2011, sempena Kempen Galakan Membaca 2011, UPSI. Program anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun ini melibatkan dua buah sekolah BITARA, UPSI iaitu SMK Khir Johari, Tanjong Malim dan SMK Dato' Zulkifli, Slim River.

Program yang disertai 55 pelajar Tingkatan Enam Atas dan 3 orang guru pengiring ini bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Bilik Serbaguna 2, Perpustakaan Tuanku Bainun. Program ini telah dikendalikan oleh Tuan Haji Ahmad Khair B Mohd Noor sebagai penceramah jemputan. Beliau merupakan Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI dan berpengalaman dalam mengendalikan program seumpama ini.

Pengisian program ini adalah lebih menekankan kepada teknik penulisan karangan dalam kertas Bahasa Malaysia STPM dan memberi tip dan teknik dalam pemarkahan kertas soalan ini. Pendedahan ini penting kepada para pelajar kerana dengan teknik dan tip yang betul mereka dapat menjawab kertas Bahasa Malaysia ini dengan baik dan mendapat markah yang cemerlang. Program ini juga mencapai objektif iaitu membantu pelajar dalam mengetahui teknik-teknik penulisan karangan dengan betul dan sebagai salah satu usaha persediaan pelajar dalam menghadapi peperiksaan STPM 2011 kelak. Selain itu juga, jalinan kerjasama antara pihak Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI dengan pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan



*Tuan Haji Ahmad Khair b Mohd Noor menyampaikan ceramah beliau*

sekolah turut tercapai.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Bt Yaacob. Intipati ucapan penutup oleh Ketua Pustakawan adalah pihak perpustakaan akan terus menganjurkan program – program akademik seumpama ini di masa akan datang dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak sekolah dan jabatan lain dalam menjayakan Kempen Galakan Membaca UPSI. Pada majlis Penutup Program ini, pihak perpustakaan berbesar hati memberi sijil penghargaan dan cenderahati kepada Tuan Haji Ahmad Khair B Mohd Noor selaku penceramah dan juga sijil penghargaan kepada pihak sekolah yang member sokongan kepada program yang dianjurkan ini. Peserta program juga turut diberikan sijil penyertaan dari pihak Perpustakaan Tuanku Bainun dan Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, Perak. Secara keseluruhan, program ini telah mendapat sambutan yang baik dari pihak Sekolah BITARA dan PPD Daerah Batang Padang.

Oleh : Nurul Kashfi Subri  
Email : [kashfi@upsi.edu.my](mailto:kashfi@upsi.edu.my)

### Menarik Kali Ini

<b>Program kecemerlangan Bahasa Malaysia STPM Sekolah Bitara 2011</b>	<b>1</b>
<b>Dari meja Ketua Pengarang</b>	<b>2</b>
<b>Kenali Timbalan Ketua Pustakawan</b>	<b>2</b>
<b>Ayuh! Gunakan Google Docs</b>	<b>3&amp;7</b>
<b>Kenali tokoh SITC : Buyong Adil</b>	<b>4</b>
<b>Persembahan boneka oleh Kelab Sahabat Perpustakaan</b>	<b>5</b>
<b>Bengkel pengurusan pusat sumber sekolah</b>	<b>6</b>
<b>Bengkel penyusunan bahan</b>	<b>7</b>
<b>Berita kakitangan</b>	<b>8</b>



*Peserta yang terlibat dengan program yang telah dianjurkan*

## Sidang Redaksi

## Dari Meja Ketua Pustakawan

Penasihat

Rusliza Yaacob

Pen.Ketua Pengarang

Muliati Abdul Samad

Pengarang

Azura Adnan

Anizah Tumin

Noriha Muhammad

Mohd Razalli Ahmad Termizi

Mohamed Zaid Mohamed Idris

Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan

Penerbit & Edaran

Raja Radiah Raja Ahmad

Ahmad Fazli Ahmad Rasmi

Pereka Web

Rozman Che Ross

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Bertemu kembali dalam Info@Pustaka keluaran ke 12. Alhamdulillah, pujian kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan keizinanNya Info@Pustaka dapat diterbitkan untuk keluaran seterusnya.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada sidang redaksi di atas daya usaha untuk menerbitkan buletin ini. Selaku sebuah pusat maklumat, Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) berperanan dalam menggalak serta menerapkan budaya membaca di kalangan warga UPSI. Selain daripada meningkatkan jumlah koleksi, perpustakaan juga memberi khidmat nasihat dalam pencarian maklumat dengan kaedah yang betul dan berkesan. Justeru itu, pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh PTB bagi meningkatkan kesedaran warga UPSI serta masyarakat setempat tentang kepentingan membaca. Aktiviti-aktiviti keilmuan yang telah dianjurkan oleh PTB sepanjang Januari-Jun dipaparkan dalam keluaran buletin kali ke 12 ini.

Diharap dengan terbitan kali ini, pembaca dapat mengetahui maklumat am mengenai perpustakaan di samping artikel yang memberikan informasi penting kepada anda semua.

## Mari Berkenalan



Pn. Hjh Siti Sumaizan Ramli mula melapor diri untuk berkhidmat di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI pada 1 Julai 2011. Sebelum itu beliau bertugas di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), UNIMAS sejak September 1993 dan di Perpustakaan UPM selama 4 tahun iaitu dari November 1989 - Ogos 1993. Memiliki ijazah *BSc. (Hon)* dalam bidang Microbiology dari UKM pada 1986 dan *Post-Grad Diploma in Lib Science*, ITM (sekarang UiTM) pada 1988. Telah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak perempuan.

Di PKMA, UNIMAS beliau mengetuai dan mengurus Bahagian Teknikal/Katalog selama lebih 10 tahun di samping tugas sebagai Pustakawan Rujukan. Memainkan peranan utama dalam perolehan, latihan dan implementasi sistem perpustakaan VTL (1994-2004) dan Millennium (2005- ). Beliau menjadi Timbalan Ketua Pustakawan di UNIMAS pada awal 2008 dan mengetuai Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat yang kemudiannya dikenali sebagai Bahagian Perkhidmatan (BP). Tanggungjawab utama termasuk memantau, mengurus dan mengendalikan unit-unit di bawah BP iaitu Perkhidmatan Pelanggan, Rujukan dan Perkhidmatan Maklumat, Sokongan Penyelidikan dan Pengembangan, Repositori Institusi dan juga Perpustakaan Cawangan iaitu Perpustakaan Perubatan dan Pengajian Pra-Universiti. Beliau membantu Ketua Pustakawan dalam proses perancangan dan membuat keputusan bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan untuk pengguna.


Beliau terlibat secara aktif dalam Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak dan menjadi Pengerusi bagi *Sarawak Committee on Information Literacy Skills (SCILS)*. Menjadi pengarang bersama dan pembentang kertas kerja pada persidangan *ICOLIS 2008* di Petaling Jaya, Selangor. Beliau juga membentang kertas kerja pada persidangan *ICOL 2009* yang diadakan di Pulau Pinang. Juga pengarang bersama untuk kertas kerja Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011 di Kota Bharu, Kelantan. Melibatkan diri dengan program Universiti dan komuniti dalam bidang pengurusan ilmu dan maklumat serta lain-lain. Menjadi Ketua Editor bagi buletin PKMA iaitu *mycais@unimas* yang diterbitkan pada Jun dan Disember 2010.

Kami warga PTB mengucapkan selamat datang kepada beliau. Semoga dengan kehadiran puan dapat membimbing serta meningkatkan prestij Perpustakaan Tuanku Bainun.

# Ayuh! Gunakan Google Docs

Sejak daripada zaman persekolahan lagi kita mungkin telah menggunakan Microsoft Office. Suatu masa dahulu juga kedengaran kerajaan menggalakkan penggunaan perisian sumber terbuka (OSS) melalui Pelan Induk OSS Sektor Awam (sekitar pertengahan 2004). Kita dalam pada itu juga tiba-tiba terdedah dengan OpenOffice. Tetapi sejauh manakah telah kita biasa dengannya? Pasti sekali ramai yang hanya menghadiri kursus OpenOffice, tetapi apabila tiba di laman komputer sendiri, Microsoft Office juga pilihan hati.

Artikel ini akan mengupas apa itu Google Docs dan bagaimana ianya boleh dimanfaatkan sebagai medium alternatif dalam pengurusan dokumen pejabat.




Google Docs adalah set aplikasi-aplikasi pejabat sebagaimana Microsoft Office, tetapi ianya berasaskan web. Pendek kata, ianya memerlukan capaian internet untuk menggunakannya. Fungsi aplikasi-aplikasi ini agak asas, akan tetapi sekiranya digunakan dengan mendalam, ianya banyak kelebihan.

Untuk mula menggunakan Google Docs, seseorang itu perlulah mendaftarkan diri dengan Google Account. Setelah itu, layari saja <http://docs.google.com> untuk mula menggunakannya.


Sedikit pengenalan tentang aplikasi di dalamnya; Documents adalah alternatif ringkas kepada Word, Spreadsheets adalah sefungsi dengan Excel manakala Presentations adalah alternatif mudah kepada PowerPoint. Antaramuka pengguna yang ditawarkan oleh ketiga-tiga adalah hampir sama dengan Microsoft Office versi terdahulu. Maka pengguna dirasakan tidak memerlukan masa yang lama untuk membiasakan diri.

Disebabkan oleh Google Docs ini berasaskan web, pengguna tidak perlu risau tentang lokasi mana hendak menyimpan dokumen yang dihasilkan. Semuanya disimpan di web dengan selamat. Dokumen yang dihasilkan juga akan *auto save*, ini tentunya memudahkan.



## Documents : alternatif kepada Microsoft Word

Selain daripada itu, setiap dokumen di dalam Google Docs juga mempunyai keupayaan perkongsian. Emel saja pautan dokumen berkenaan (setelah melalui opsyen tertentu) kepada rakan dan seterusnya ia sedia untuk dikemaskini (sekiranya pengguna menetapkan kebenaran pada dokumen). Rakan pejabat tersebut tidak perlu mengirimi semula dokumen berkenaan kerana semuanya dilakukan secara web di atas fail induk. Mudah bukan? Pengguna mempunyai kuasa di dalam menentukan tahap perkongsian yang dibenarkan.



## Sharing settings : Tentukan di tahap mana kebenaran perkongsian

Bersambung di muka surat 7

Oleh : Khairul Asyrani Sulaiman  
Email : [asyrani@upsi.edu.my](mailto:asyrani@upsi.edu.my)

# Kenali Tokoh SITC: Buyong Adil

Nama sebenar beliau ialah Yusof bin Adil. Beliau dilahirkan pada 21 Januari 1907 di sebuah pekan kecil di Kampar hasil perkongsian hidup Adil bin Zakaria dengan Aminah binti Hj. Sidek. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Telok Anson (Telok Intan) Perak, pada tahun 1914 hingga 1918. Beliau memulakan kerjaya sebagai guru pelatih di Sekolah Melayu, di Hilir Perak pada tahun 1923, kemudian melanjutkan pelajaran di Sultan Idris Training College (SITC) di Tanjong Malim, Perak pada tahun 1924 hingga 1926. Beliau diambil mengajar di SITC pada tahun 1927 hingga 1941 dalam bidang Tawarikh.

Semasa menuntut di SITC, Buyong Adil terpilih sebagai pelajar terbaik dan menggondol hadiah wang bernilai RM200. Sekitar tahun 1936, bibit-bibit anti penjajahan sudah mula berputik di SITC. Jiwa raga guru-guru pelatih di situ telah mula dibakar dengan luapan semangat kebangsaan oleh beberapa pensyarah seperti Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrashid dan Pendeta Za'ba.

Semasa mengajar di SITC, beliau mula berjinak-jinak di alam penulisan. Pada peringkat awal usia kepengarangannya, beliau banyak menulis cerpen dan sajak yang bertemakan nasionalisme. Tema yang cukup intim dengan situasi di SITC yang kian terbakar dengan luapan semangat nasionalisme. Namun begitu, corak penulisannya bertukar kepada genre sejarah setelah terpengaruh dengan Cikgu Abdul Hadi Haji Hasan. Minat terhadap sejarah mula terpupuk dan dibajai sepanjang beliau berada di SITC ini.


Buyong Adil juga menjalin persahabatan dengan Ibrahim Yaacob, akibatnya beliau dipandang serong oleh pensyarah-pensyarah kerana dikatakan bekerjasama dengan Jepun. Zaman Jepun beliau

terpilih mengikuti perguruan Jepun di Tokyo Shihan Gakko di Kajang, Selangor. Sebaik tamat Perang Dunia Ke-2, beliau dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Melayu Jalan Pasir Putih, Ipoh.

Ketika di Ipoh dia bergiat cergas dalam Perikatan Melayu Perak (PMP). Pada 22 Februari 1948, PMP dibubarkan secara rasminya kerana memberi laluan penubuhan cawangan UMNO yang pertama di Perak. Dalam mesyuarat agungnya yang diadakan di Madrasah Paloh, Ipoh, Buyong Adil telah dilantik sebagai Pegawai Penerangan manakala Allahyarham Yusof Syed Abdul Rahman terpilih sebagai Yang Dipertua. Kegiatannya menentang Inggeris semasa di Ipoh tidak begitu disenangi British lalu melantiknya sebagai Ketua Siaran Radio Sekolah-Sekolah Melayu, Radio Malaya, di Singapura pada 1 Mac 1950.

Akan tetapi jiwa nasionalisnya cukup kental di sana, beliau bertindak pula menganggotai Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS). Menerusi KGMS kegiatan anti penjajahannya kian melebar sehinggalah beliau terbabit mengadakan satu perjumpaan di Kelab Kota Raja untuk menubuhkan Lembaga Bahasa Melayu (LBM). Beliau dilantik sebagai Naib Yang Dipertua.

Senu Abdul Rahman juga seorang lulusan SITC kemudiannya mengajak beliau untuk menyusun sebuah buku bertajuk *Revolusi Mental* yang diterbitkan pada tahun 1970. Pada tahun 1972, beliau diambil berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Semasa bertugas di sini, beliau mengambil kesempatan untuk menulis buku seperti *Sejarah Selangor*, *Sejarah Johor*, *Sejarah Perak*, *Sejarah Terengganu*, *Sejarah Singapura*,



*Sejarah Melaka*, *Sejarah Negeri Sembilan*, *Sejarah Pahang*, *Sejarah Kelantan*, *Sejarah Sabah* dan *Sejarah Sarawak* yang menjadi rujukan penting dan popular dalam bidang Sejarah Malaysia hingga sekarang.

Pada tahun 1939, Buyong Adil bertindak memantapkan kandungan buku *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal IV* dan *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal V* dengan memfokuskan sejarah Negeri-Negeri Selat dan sejarah Negeri-Negeri Bersekutu sebagai bahan. Semua buku karya beliau ada dalam koleksi Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

Sejarawan dan pendidik terkemuka ini telah meninggalkan karya sejarah yang bertimbun untuk tatapan dan bacaan anak bangsanya. Beliau pulang ke rahmatullah pada tahun 1976 dalam usia 69 tahun.

Oleh : Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan  
Email : shalaby@upsi.edu.my



Buku Sejarah Pahang oleh Buyong Adil.



# PERSEMBAHAN BONEKA OLEH KELAB SAHABAT PERPUSTAKAAN

Menarik! Seronok! Meriah! Itu adalah gambaran yang berlaku di Perpustakaan Tuanku Bainun pada pagi 4 April 2011 yang lalu apabila seramai 36 orang kanak-kanak tadika 5 tahun dari Pusat Kecemerlangan Kanak-Kanak UPSI memasuki ruang pameran aras 1 perpustakaan. Kehadiran tetamu kecil ini yang diiringi oleh 4 orang guru, telah dijemput khas oleh pihak perpustakaan bagi menjayakan program persembahan boneka yang dianjurkan sempena gerakan membaca perpustakaan 2011. Persembahan boneka ini dijayakan dengan kerjasama ahli Kelab Sahabat Pustaka

Tepat 9.50 pagi, kedengaran suara kanak-kanak comel ini berteriak keriangan menaiki tangga perpustakaan. Kanak-kanak ini seterusnya dijemput mengambil tempat di hadapan pentas boneka. Program dimulakan dengan nyanyian lagu 'Kalau anda gembira' beramai-ramai oleh kanak-kanak, kakak-kakak AJK dan guru-guru. Selesai sesi nyanyian, persembahan boneka dimulakan. Semua kanak-kanak yang hadir bersorak apabila diperkenalkan dengan watak-watak boneka yang comel. Kanak-kanak mula memberi perhatian apabila cerita dimulakan. Cerita yang dipersembahkan berkisar tentang perlumbaan di antara kura-kura, b a d a k d a n harimau di mana akhirnya kura-kura



menjadi johan.

Program diteruskan dengan sesi kuiz spontan di mana kanak-kanak diberikan soalan yang berkaitan dengan persembahan boneka. Keterujaan kanak-kanak berkenaan terlihat apabila mereka berebut-rebut ingin menjawab soalan yang diberikan. Terpancar kegembiraan di wajah mereka apabila diberi hadiah kerana memberi jawapan yang betul.

Seterusnya diadakan aktiviti mewarna di mana kanak-kanak diberikan topeng muka untuk diwarnakan. Topeng muka berkenaan diilhamkan dari watak-watak yang terdapat dalam persembahan boneka. Gelagat kanak-kanak berkenaan amat mencuit hati apabila masing-masing memakai topeng yang telah diwarnakan. Ada topeng harimau yang berwarna-warni, ada topeng badak yang berconteng dan ada topeng singa yang berwarna merah!

Sesi tarian *tommy* secara beramai-ramai mengakhiri program ini. Sebelum berangkat pulang ke tadika semula, kanak-kanak dan guru-guru diberikan '*doorgift*' sebagai penghargaan kepada kesudian pihak Pusat Kecemerlangan Kanak-Kanak menerima jemputan dari Perpustakaan Tuanku Bainun.



Oleh : Nor Hanizah Zahid  
Email : hanizah@upsi.edu.my

# Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah

Pada 23 Mac 2011, Perpustakaan Tuanku Bainun melalui Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Maklumat telah menjalankan satu Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah yang dianjurkan oleh Pusat Sumber Sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Slim River, Perak dengan dirasmikan oleh Guru Penolong Kanan En. Zulkifli bin Md Said.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan pengurusan pusat sumber kepada para Pengawas Pusat Sumber Sekolah dan guru pusat



*Pengawas pusat sumber yang terlibat dalam bengkel yang telah diadakan*

sumber berkenaan. Empat pustakawan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Maklumat yang di ketuai oleh Encik Mohamed Zaid Mohamed Idris (Ketua Bahagian) dan di bantu oleh Puan Azura Adnan, Encik Rozman Che Ross dan Encik Nurul Kashfi Subri menjadi penceramah jemputan dalam bengkel berkenaan yang berlangsung di Pusat Sumber Sekolah, SMKA Slim River.

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah dibahagikan kepada empat slot ceramah. Slot pertama memberi penerangan ringkas berkenaan dengan jenis perpustakaan dan peranan pusat sumber sekolah. Slot kedua berkaitan Pengurusan Koleksi dan Perkhidmatan di Pusat Sumber Sekolah yang merangkumi peranan dan fungsi Bahagian Perolehan, Pengkatalogan, Pembangunan Koleksi dan Perkhidmatan yang boleh diaplikasi di pusat sumber. Slot seterusnya penerangan berkaitan Pengurusan Automasi di PSS. Penjelasan perisian sumber terbuka yang boleh didapati secara percuma di atas talian untuk kegunaan di pusat sumber.

Mengakhiri slot bengkel ini, Encik Mohamed Zaid Mohamed Idris menarik perhatian peserta bengkel mengenai pustakawan sebagai kerjaya. Penerangan yang jelas berkaitan dengan bidang kepustakawanan ini dapat menarik minat mereka dalam mengembangkan minat masing-masing untuk menceburi bidang kepustakawanan.



*Antara penceramah yang terlibat dari PTB*

Program diakhiri dengan upacara penyampaian cenderamata dari pihak sekolah kepada semua penceramah jemputan dan bengkel ini bukan terhenti di sini sahaja, ia akan di teruskan di Perpustakaan Tuanku Bainun dengan diadakan satu bengkel khas yang akan melatih dan memberi pendedahan khusus berkaitan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah kepada semua pengawas dan guru - guru Pusat Sumber Sekolah, SMKA Slim River.

Oleh : Nurul Kashfi Subri  
Email : [kashfi@upsi.edu.my](mailto:kashfi@upsi.edu.my)

# Bengkel Penyusunan Bahan Mengikuti Pengkelasan Library of Congress

Pada 1 Jun 2011, Perpustakaan Tuanku Bainun dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia telah menganjurkan 'Bengkel Penyusunan Bahan Mengikuti Pengkelasan Library of Congress' di Bilik Serbaguna 2, perpustakaan. Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kakitangan bagi kaedah penyusunan bahan maklumat berdasarkan nombor panggilan skim pengkelasan Library of Congress. Seramai 15 orang daripada kalangan kakitangan perpustakaan dan Muzium Pendidikan Nasional telah menyertai bengkel ini. Cik Noriha bt Muhammad selaku pustakawan kanan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Koleksi telah dipertanggungjawabkan sebagai fasilitator bagi mengendalikan sesi bengkel tersebut. Pengisian bengkel ini adalah:-

- Pengenalan kepada nombor panggilan
- Teknik membaca nombor panggilan
- Prosidur menyusun nombor panggilan
- Latihan penyusunan bahan



*Cik Noriha sedang menyampaikan ceramah beliau*



*Sesi latihan sedang dijalankan bagi menguji kefahaman peserta*

---

### **Sambungan dari muka surat 3**

Pengguna juga boleh menyimpan fail Google Docs kepada format Microsoft Office yang serasi. Dengan ini, sekiranya pengguna berada di dalam kawasan yang tiada liputan internet, mereka masih boleh membuat pengemaskinian terhadap fail. Setelah itu, pengguna hanya perlu muat naik saja fail berkenaan ke Google Docs apabila mempunyai capaian internet.

Google Docs juga boleh dilihat sebagai medium salinan *backup* fail-fail pejabat. Fail-fail Microsoft Office yang dihasilkan oleh pengguna sebelum ini boleh dimuatnaik ke Google Docs. Dengan ini pengguna mempunyai salinan pendua fail-fail di internet sekiranya komputer mengalami kegagalan. Lupakan saja *USB Thumb Drive* dan mengemel fail-fail berkenaan kepada diri sendiri.

Untuk keterangan fungsi lebih jelas mengenai Google Docs, layari laman web yang telah penulis nyatakan di atas.

## Selamat Maju Jaya

Seramai tiga orang kakitangan perpustakaan telah berpindah ke jabatan lain di UPSI. Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diberikan kepada mereka atas segala jasa serta bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di Perpustakaan Tuanku Bainun. Segala jasa dan pengorbanan akan sentiasa dalam kenangan kami semua warga Perpustakaan Tuanku Bainun.



Nama : Pn. Zahrah Hayati bt Mohd Hailani  
Jawatan : Pengawal Keselamatan



Nama : Cik Chin Fei Sing  
Jawatan : Penolong Pendaftar



Nama : En. Amirul Amin b Md Jabarulla  
Jawatan : Juruteknik Komputer

## Perlantikan Jawatankuasa Kelab Sesi 2011-2012

- Pengerusi : En. Afzanizam b Dullah Hashim  
Timb. Pengerusi : En. Mohd Hizam b Samin  
Setiausaha : Pn. Firdausiah bt Ahamad  
Bendahari : Pn. Wan Kartini bt Wan Sulaiman  
Timb. Bendahari : Cik Ruziah bt Ahmad  
AJK : 1) Pn. Hafizah bt Yahya  
2) En. Ahmad Tamrin b Mohd Ali Hanafiah  
3) En. Hairul Hafizi b Mohammed Ghazali  
4) En. Mohd Safri b Alip



Sesi pendaftaran ahli Kelab Kakitangan Perpustakaan (KLIK)



Pn. Siti Norliza memberikan cadangan



Hadiah cabutan bertuah ahli KLIK

Oleh : Muliati Abdul Samad  
Email : muliati@upsi.edu.my